

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE  
[ SANDAKAN ]**

**TARIKH : 4 JULAI 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN NO. 07**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-

- (a) berapa efektif langkah penerbangan tambahan bagi menurunkan tambang udara domestik semasa musim perayaan yang diumumkan pada Ogos 2018 dengan statistik terkini; dan
- (b) apakah pelan lain untuk terus mengurangkan tambang udara domestik yang tinggi berterusan pada musim puncak.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Langkah untuk mewujudkan penerbangan tambahan bagi menurunkan tambang udara domestik semasa musim perayaan seperti mana yang diumumkan oleh YB Menteri pada tahun lalu telah berjaya mengatasi masalah kenaikan yang melampau harga tambang terutama pada musim perayaan.
2. Kementerian Pengangkutan telah mendapatkan komitmen syarikat-syarikat penerbangan untuk menambah jumlah penerbangan semasa Tahun Baru Cina tahun ini dan telah memperluaskan perlaksanaannya sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri, Hari Gawai dan Pesta Keamatan baru-baru ini.
3. Semasa perayaan Tahun Baru Cina tahun ini, jumlah penerbangan berjadual tambahan yang telah diluluskan oleh Suruhanjaya Penerbangan Awam Malaysia (MAVCOM) adalah sebanyak 376, menjadikan jumlah keseluruhan penerbangan sebanyak 2,050 berbanding tahun lepas iaitu sebanyak 1,674. Susulan daripada penambahan penerbangan ini, harga tiket penerbangan secara puratanya telah menurun di antara 19.8% sehingga 57% berbanding tempoh musim perayaan yang sama pada tahun 2018, bergantung kepada waktu tempahan tiket dibuat.
4. Manakala, semasa Pesta Kaamatan, Hari Gawai dan Hari Raya Aidilfitri baru-baru ini, jumlah penerbangan berjadual telah meningkat sebanyak 864 menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 5,240 berbanding tahun lepas iaitu sebanyak 4,376. Susulan daripada penambahan penerbangan tersebut, harga tiket penerbangan bagi 7 daripada 10 laluan yang dipantau oleh MAVCOM secara puratanya telah menurun di antara 12.7% sehingga 74.9% berbanding tempoh musim perayaan yang sama pada tahun 2018, bergantung kepada waktu tempahan tiket dibuat.

5. Walau bagaimanapun, terdapat 3 laluan yang menunjukkan kenaikan harga tambang semasa Pesta Kaamatan, Hari Gawai dan Hari Raya Aidilfitri baru-baru ini, berbanding tempoh yang sama tahun 2018. Laluan-laluan tersebut adalah, Kuala Lumpur – Sandakan, Kuala Lumpur – Tawau dan Johor Bharu – Sibu masing-masing dengan purata kenaikan sebanyak 10.48%, 57.6% dan 21.78%.
6. Berdasarkan pemantauan oleh MAVCOM, harga tambang penerbangan yang ditawarkan adalah lebih rendah bagi laluan Kuala Lumpur – Sandakan dan Johor Bharu – Sibu sekiranya tiket tersebut dibeli dalam tempoh antara sebulan dan dua bulan lebih awal.
7. Situasi ini berlaku mungkin disebabkan oleh faktor ketidakseimbangan antara penawaran dan permintaan terhadap perkhidmatan penerbangan yang disediakan. Sehubungan itu, pada musim perayaan yang akan datang, syarikat penerbangan akan diminta supaya menambah kekerapan penerbangan bagi laluan-laluan berkenaan. Secara amnya, tawaran harga tiket penerbangan akan lebih murah sekiranya ia ditempah lebih awal.
8. Memandangkan langkah untuk mewujudkan penerbangan tambahan didapati berjaya mengurangkan harga tiket penerbangan khususnya pada musim perayaan, maka Kerajaan akan terus mengguna pakai kaedah ini pada masa hadapan. Pihak Kementerian hanya akan mempertimbangkan semula cadangan untuk menetapkan harga siling dan harga lantai bagi tambang tiket penerbangan domestik sekiranya kaedah untuk menambah penerbangan tambahan tidak berjaya menyelesaikan masalah kenaikan harga tambang sempena musim perayaan.
9. Sehubungan ini, pihak Kerajaan akan terus menggalakkan dan memudahcara semua syarikat penerbangan termasuk Malaysia Airlines Berhad (MAB), MalindoAir dan AirAsia untuk menambah bilangan penerbangan sempena musim perayaan. Dengan mengambil pendekatan untuk menambah bekalan (*supply*) kepada

**NO. SOALAN : 07**

para pengguna, maka permintaan (*demand*) yang besar dapat dipenuhi dan harga tambang dapat dikawal tanpa perlu campur tangan Kerajaan untuk menetapkan harga siling dan harga lantai dalam bentuk peraturan atau arahan.

10. Dalam hubungan ini, Kerajaan akan terus memantau harga tiket kapal terbang dan sekiranya terdapat unsur manipulasi harga atau penetapan harga yang melampau oleh syarikat penerbangan, maka Kementerian Pengangkutan melalui agensi penguatkuasaanya, MAVCOM, akan menyiasat dan mengambil tindakan sewajarnya untuk melindungi pengguna serta memastikan wujudnya persaingan yang sihat di kalangan pemain industri penerbangan dalam negara.

Sekian, terima kasih.